

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@tth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

KUMPULAN TERAKHIR JEMAAH HAJI MALAYSIA SELAMAT TIBA DI KLIA

Penerbangan Terakhir MH 8383 tiba awal pagi 13 September 2019

SEPANG, 13 SEPTEMBER 2019 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah selesai Fasa Kedua Operasi Haji dengan ketibaan kumpulan terakhir Jemaah Haji Malaysia seramai **475** orang menerusi penerbangan carter MH8383 pada 4.10 pagi tadi.

Para jemaah tersebut berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohamad bin Abdulaziz, Madinah pada pukul 1:58 petang waktu Arab Saudi (12 September 2019). Ketibaan kumpulan terakhir ini menandakan berakhirnya Operasi Haji **TH** bagi Musim 1440H | 2019M.

“Secara keseluruhannya, operasi haji tahun ini berjalan lancar tanpa sebarang insiden besar yang tidak diingini. Rata-rata Jemaah Haji Malaysia dapat menyelesaikan ibadat haji mereka dengan sempurna. **TH** ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutama Kedutaan Besar Diraja Arab Saudi di Malaysia, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi, Muassasah Asia Tenggara serta agensi-agensi yang terlibat antaranya Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen, Malaysia Airlines, Flynas, Malaysia Airports, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang telah banyak membantu dalam memastikan kelancaran operasi haji di Tanah Air dan Tanah Suci pada musim haji kali ini,” ulas Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**.

TH juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua Jemaah Haji Malaysia yang telah memberi kerjasama kepada pihak **TH** dalam mengendalikan urusan haji pada tahun ini.

Pada musim ini, seramai 24 orang jemaah haji negara meninggal dunia ketika di Tanah Suci (**15** lelaki; **9** wanita). **TH** telah selesai melaksanakan badal haji bagi mereka yang meninggal dunia sebelum Wuquf dan turut menziarahi waris-waris jemaah haji tersebut di Tanah Air bagi memberi sumbangan dan sokongan moral.

Sehingga hari ini, seramai **tiga (3) orang** jemaah haji negara masih menerima rawatan di Hospital King Abdullah di Jeddah (seorang) dan di Hospital Al Ahmadi Madinah (2 orang).

TH sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada Jemaah Haji Malaysia setiap tahun. Satu sesi *post-mortem* akan dilaksanakan tidak lama lagi bagi menilai semula semua sudut operasi dan mencari ruang penambahbaikan.

Surat tawaran untuk menunaikan haji bagi Musim Haji 1441H/2020M dijadualkan akan dikeluarkan bermula **November 2019** secara berperingkat-peringkat. **TH** menasihati para pendeposit untuk mengemaskini maklumat masing-masing seperti alamat, nombor telefon, maklumat waris dan sebagainya dengan mengunjungi cawangan-cawangan **TH** berdekatan. Ini bagi mengelakkan surat tawaran haji tidak diterima kerana kesilapan alamat dan butiran peribadi yang tidak dikemaskini.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah Malaysia dan rekodnya yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model kepada pengurusan haji yang inovatif. **TH** mempunyai lebih daripada sembilan juta pendeposit dan 125 cawangan dengan hampir 10,000 *touch points*, di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi *Tabung Haji Contact Centre* di talian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<p>Affan Aimaduddin bin Azami Eksekutif Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan TH 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 9847138 Faks: 03 2164 0436 Email: affan.aimaduddin@lth.gov.my</p>	<p>Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my</p>
--	---